

19/02/2003

Contoh buat belia kita: Siti Hasmah

Nurul Hazren Masitom

PEMINAT nombor satu badminton negara, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali menyifatkan kejayaan Muhammad Hafiz Hashim merangkul kejuaraan All England sebagai pendorong dan contoh kepada belia Malaysia untuk mengharumkan nama negara.

Dr Siti Hasmah yang turut menyambut ketibaan Hafiz di Lapangan Terbang Kuala Lumpur petang semalam berkata Hafiz menjadi kebanggaan rakyat negara ini kerana kita sudah 37 tahun menunggu untuk menjuarai kejohanan badminton paling berprestij itu.

"Kejayaan ini membanggakan rakyat Malaysia kerana beliau bukan saja muda tetapi mempunyai matlamatnya sendiri dan kekuatan fizikal untuk mencapai kemenangan walaupun sebelum ini pernah terlepas untuk menyertai kejohanan Piala Thomas beberapa tahun lalu.

"Mungkin beliau bangkit daripada kekalahan abangnya, Roslin dan mahu membalas dendam terhadap kekalahan itu," katanya mengulas kekalahan Roslin kepada Chen Hong di separuh akhir.

Dr Siti Hasmah yang ditemui selepas menghadiri Taklimat 'Peace: The Voice of Women' anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) di Kuala Lumpur semalam turut merakamkan penghargaannya kepada usaha gigih jurulatih Misbun Sidek dan hasil tunjuk ajarnya Hafiz berjaya di Birmingham.

"Kita perlukan jurulatih seperti Misbun Sidek yang berusaha menggilap bakat pemain muda seperti Muhammad Hafiz dan tanpa dia mungkin matlamat Hafiz untuk mencatat kejayaan dalam kejohanan All England tidak tercapai," katanya.

Mengenai galakan supaya pemain terus konsisten dalam permainannya, Dr Siti Hasmah berkata pemain yang sudah mencapai kejayaan lazimnya berpuas hati dan memberi contoh kejayaan Piala Thomas 1992.

"Kita lihat selepas kejayaan pada 1992, pemain tidak konsisten dalam permainannya. Mereka perlu banyak berlatih untuk mengekalkan prestasi serta membuktikan keupayaan Malaysia tidak boleh dicabar," katanya.

Mengulas kenyataan suaminya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tidak memanjakan pemain dengan ganjaran, Dr Siti Hasmah bersetuju supaya BAM "berhati-hati" dalam memberi ganjaran kepada pemain supaya mereka tidak leka dengan pemberian itu.

"Apabila saya terbaca BAM mahu memberi insentif kepada Muhammad Hafiz, saya menasihatkan mereka supaya berhati-hati dan jangan melampau sehingga meleakakan pemain," katanya.

Dalam pada itu, beliau agak kecewa dengan stesen televisyen tempatan yang tidak menyiarkan perlawanan akhir kejohanan All England walaupun Malaysia terbabit.

"Saya tercari-cari juga sama ada RTM atau Astro menyiarkan perlawanan akhir badminton All England kerana Malaysia masuk peringkat akhir," katanya.

Beliau berharap, pada masa akan datang stesen televisyen tempatan dapat menyiarkan kejohanan sukan yang membabitkan Malaysia bagi mendorong kejayaan seterusnya selain membuktikan pencapaian tertinggi negara.